

U 8042 AAB
MAHATHIR - CAWANGAN

KUALA LUMPUR, 28 OKT (BERNAMA) -- UMNO ASAL DIISYTIHARKAN HARAM BUKAN KERANA MUJUDNYA CAWANGAN-CAWANGAN YANG TIDAK BERDAFTAR TETAPI KERANA IA DIBAWA KE MAHKAMAH, KATA PRESIDEN UMNO DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMED HARI INI.

KETIKA MEMBERI PENJELASAN INI PADA PERHIMPUNAN AGUNG UMNO DI SINI, BELIAU BERKATA, ADA ANGGOTA UMNO YANG TELAH MEMBANA PARTI MEREKA KE MAHKAMAH SELEPAS PERHIMPUNAN AGUNG PARTI PADA TAHUN 1984 TETAPI TIDAK MENERUSKAN TINDAKAN ITU.

KATANYA, EKORAM DARIPADA ITU ISU PEJABAT UMNO TELAH MENYEMAK FAIL CAWANGAN UMNO DAN MENDAPATI ADA 3,000 CAWANGAN YANG TIDAK BERDAFTAR.

SETELAH SEMUA CAWANGAN DIDAFTARKAN SEMULA, SETIAUSAHA AGUNG PARTI TELAH MENGARAHKAN SUPAYA DIADAKAN MESYUARAT PENUBUHAN.

KATANYA LAGI, SEBAHAGIAN DARIPADA 3,000 CAWANGAN YANG DIDAPATI TIDAK BERDAFTAR PADA TAHUN 1984 ITU TELAH TIDAK BERDAFTAR SEJAK 1966 LAGI TETAPI UMNO TIDAK DIHARAMKAN SEJAK TAHUN ITU. -- LAGI.
1928MST 28 10 88

0735

U 8043 AAB
MAHATHIR - CAWANGAN 2 KUALA LUMPUR

INI IALAH KERANA TIDAK ADA ANGGOTA YANG MEMBANA UMNO KE MAHKAMAH PADA KETIKA ITU, KATANYA.

+BUKANLAH ADA ATAU TIDAKNYA CAWANGAN YANG TIDAK BERDAFTAR YANG MENJADIKAN UMNO TIDAK SAH TETAPI ADA ATAU TIDAKNYA ORANG YANG TIDAK SAYANGKAN UMNO DAN BANGSAP MEMBANA UMNO KE MAHKAMAH,+ KATANYA.

BELIAU JUGA BERKATA, HALANGAN UNDANG-UNDANG TELAH DIATASI DENGAN TERDAFTARNYA SEMULA UMNO DAN UMNO TERUS BERGERAK SEPERTI SEDIKALA SELEPAS ITU.

UMNO MUJUD PADA HAKIKATNYA DAN TIDAK ADA SESIAPA YANG BOLEH MEMBUAT FITNAH, BERPURA-PURA ATAU SECARA RASMI MEMAKNA UMNO TIDAK ADA DAN PERLU DIHIDUPKAN SEMULA.

UMNO BUKAN MAKHLUK YANG BOLEH HIDUP DAN MATI SEPERTI MAKHLUK LAIN KERANA IA PERTUBUHAN YANG DITUBUHKAN MENSIKUT UNDANG-UNDANG.

+HANYA PENDAFTARNYA SAHAJA TERGUSAT BUAT SEMENTARA. SEGALA USAHA UNTUK MENGHAPUSKAN UMNO GASAL,+ KATANYA. -- BERNAMA.
1928MST 28 10 88